

03 SEP 1999

JEPUN-PELABURAN

PELABURAN JEPUN KE ASIA SUSUT TAPI TIDAK KETARA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Jepun percaya pelaburannya di rantau ini berkurangan berikutan krisis kewangan ketika ini tetapi ia tidak ketara, kata Hiroshi Okuda, pengerusi Persekutuan Persatuan Majikan Jepun.

Katanya kekukuhan yen telah memberi kesan kepada eksport Jepun ke Asia dan beliau secara peribadi berharap yen akan stabil pada 120 yen berbanding dolar Amerika.

Okuda mengetuai satu rombongan ke beberapa negara Asia bagi program membantu pemulihan semula ekonomi serantau. Rombongan itu setakat ini telah melawat Thailand, Vietnam dan Korea, dan akan berangkat ke Indonesia serta Filipina selepas lawatan mereka ke Malaysia.

Beliau bersetuju ekonomi Malaysia kini sedang menuju ke arah pemulihan.

Menurutnya, beliau telah diberi penjelasan mengenai kawalan modal terpilih yang diperkenalkan oleh Malaysia untuk menangani krisis yang setakat ini terbukti berkesan.

"Di masa depan, kita harus terus mengukuhkan perbincangan serantau sebagai usaha menghalang krisis mawatang seumpama ini daripada berlaku sekali lagi," katanya kepada sidang akhbar, di sini, hari ini.

Berkaitan dengan cabaran untuk memulihkan semula ekonomi Asia, Okuda berkata penekanan khusus mengenai pembangunan sumber manusia perlu diberi perhatian untuk menggerakkan semula aliran modal, barangan dan maklumat.

Dalam hal Malaysia, di mana sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam prestasi eksport negara, beliau berkata keupayaan pengurusan perlu dibangunkan bagi meningkatkan daya saingan.

Beliau menambah Jepun akan meningkatkan kerjasama dalam bidang sumber manusia di Malaysia dengan menghantar jurutera dan juruteknik mahirnya ke negara ini.

Apabila ditanya sama ada, sebagai pembayar cukai, beliau berpuas hati dengan Pelan Miyazawa, skim bantuan kewangan yang disalurkan ke negara-negara yang terjejas oleh krisis kewangan, termasuk Malaysia, Okuda menjawab "daripada segi ketelusan, ya, dan pembayar cukai mesti faham keperluan (bagi pelan seumpama itu)."

"Semua pihak yang kami temui setakat ini melahirkan penghargaan mereka terhadap langkah sokongan yang disediakan oleh Jepun," katanya.

Ketika ini, bantuan Jepun kepada ekonomi Asia berjumlah anggaran AS\$80 bilion (AS\$1=RM3.80).

"Mereka juga menyatakan keperluan bagi kerjasama serantau di mana Jepun sepatutnya memainkan peranan aktif dengan bekerjasama rapat dengan negara-negara Asia dalam rangka kerja Asia Timur di abad yang akan datang," kata Okuda.

Terdahulu, rombongan itu mengadakan mesyuarat dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dan anggota daripada kumpulan perniagaan Malaysia dan Jepun.

Okuda, bagaimanapun, berkata rombongan itu tidak dapat menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau sibuk dengan jadualnya ketika ini.

"Bagaimanapun, kami menerima pesanan daripada Dr Mahathir yang menyatakan beliau merancang untuk menemui kami pada lewat September di Tokyo, ketika dalam perjalanannya ke mesyuarat agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York," katanya.

-- BERNAMA

AA ZK MA